

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT MULAKAN OPERASI SANITASI AWAM COVID-19 DI WILAYAH SELATAN

SEREMBAN, 30 MAC 2020– SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) komited untuk turut sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi menjayakan usaha memerangi penularan pandemik COVID-19 melalui Operasi Sanitasi Awam COVID-19 yang mula dilaksanakan di negeri Johor dan Negeri Sembilan pada hari ini.

Menurut Pengurus Besar Korporat, Mohd Norlisam Mohd Nordin, kesiapsiagaan oleh pihak SWM Environment di ketiga-tiga negeri perkhidmatannya iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan menjayakan operasi sanitasi awam tersebut dengan bilangan pekerja terlatih yang minima, dengan sokongan lima (5) jentera termasuk jentera air bertekanan tinggi (*water jetter*) dan dua (2) kenderaan pacuan empat roda SWAT. Operasi Sanitasi Awam hari ini di bertumpu kepada kawasan-kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 yang dikategorikan sebagai Zon Merah (*Red Zone*) dan merangkumi 5 lokasi di Senawang, Seremban.

Jelas beliau, pihak SWM Environment bukan sekadar menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berjalan, malah turut komited mempersiapkan sumber tenaga dan aset yang ada untuk terlibat dalam operasi sanitasi awam yang diselaraskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Tambahnya, kekerapan pelaksanaan operasi sanitasi awam yang melibatkan pihak SWM Environment akan berpandukan kepada ketetapan oleh Jawatankuasa Penyelaras dengan lokasi tertumpu di jalan-jalan utama, lampu isyarat, lampu jalan, bangunan dan kemudahan awam di sepanjang jalan utama. Sebagai persediaan awal sebelum melaksanakan operasi penyemburan, pihak SWM Environment telah melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pukat dan pembersihan longkang di lokasi-lokasi yang terlibat.



Justeru itu, beliau memohon kerjasama orang ramai dalam memerangi penularan pandemik COVID-19 dengan berada di kediaman masing-masing sebagaimana yang diperintahkan oleh pihak Kerajaan melalui penguatkuasaan PKP.

TAMAT.



SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAR3CYCLE, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem pembayaran secara elektronik (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE melalui *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Cik Livingwater A/P Ponnusamy

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan,

SWM Environment Sdn. Bhd. (Johor Selatan)

(Tel) 07 - 335 6000 / 016 – 783 6759

(Faks) 07 - 335 6005

(Emel) livingwater.ponnusamy@swmsb.com